Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Jangkitan virus mata memaksa lebih 56,000 sekolah ditutup

September 27, 2023 @ 10:25pm



Seorang doktor memeriksa pesakit yang mengalami jangkitan mata di sebuah hospital di Lahore. - Foto AFP

LAHORE: Lebih 56,000 sekolah di Pakistan ditutup sepanjang minggu ini, bagi membendung penularan wabak virus mata berjangkit, kata seorang pegawai hari ini.

Berikutan penutupan itu, berjuta-juta pelajar akan duduk di rumah mulai esok selepas Punjab mengumumkan pelaksanaan 'perintah berkurung' itu setelah merekodkan 357,000 kes konjunktivitis sejak awal tahun ini.

Jangkitan mata yang cepat merebak mengakibatkan kemerahan, kegatalan dan mata berair.

Ia boleh merebak melalui sentuhan tangan, batuk serta bersin.

"Penutupan itu diumumkan sebagai langkah proaktif untuk memberi perlindungan maksimum kepada pelajar terhadap jangkitan itu," kata jurucakap Jabatan Pendidikan Punjab, Zulfiqar Ali.

Terdapat seramai 127 juta penduduk di wilayah Punjab timur.

Selain penutupan 56,000 sekolah kerajaan, arahan sama juga tertakluk kepada ribuan sekolah swasta.

"Kita berharap langkah ini akan memutuskan kitaran jangkitan di wilayah itu," tambah Zulfiqar.

Esok, semua sekolah di negara berkenaan ditutup kerana cuti umum agama.

Kelazimannya, banyak sekolah dibuka pada hujung minggu untuk kelas tambahan atau peperiksaan.

Ekoran wabak itu, pihak berkuasa Punjab memaklumkan akan menjalankan saringan terhadap pelajar di pintu pagar sekolah sesudah ia dibuka semula Isnin depan. - AFP